



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

KERAJAAN MEMPERKASA PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN (R&D) PRODUK VAKSIN TEMPATAN

NATIONAL BIOTECHNOLOGY SYMPOSIUM 2022

BANGI, 9 NOVEMBER 2022 - Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, YBhg. Datuk Ts. Dr. Haji Aminuddin bin Hassim hari ini merasmikan ***National Biotechnology Symposium 2022*** yang bertemakan '*Embracing Homegrown Vaccine*' anjuran Institut Bioteknologi Kebangsaan Malaysia (NIBM) dan Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (FFUKM).

Pelbagai langkah dan inisiatif telah diambil oleh Kerajaan bagi meningkatkan kesediaan negara dalam menghadapi ancaman pandemik antaranya pelancaran **Pelan Hala Tuju Pembangunan Vaksin Negara (PPVN)** bagi memantapkan lagi ekosistem pembangunan vaksin negara dan mengurangkan kebergantungan negara kepada vaksin dari luar negara. Pembangunan vaksin negara ini tidak tertumpu kepada penghasilan vaksin COVID-19 semata-mata, tetapi ia turut diperluaskan bagi penyakit-penyakit lain iaitu vaksin kolera dan vaksin untuk kanser kepala dan leher (*head and neck cancer*).

YBhg. Datuk Ts. Dr. Haji Aminuddin dalam ucapannya berkata, "MOSTI percaya, Malaysia mampu mencorak laluan dalam pengeluaran produk vaksin yang berkualiti berkesan dan selamat mengikut syarat ditetapkan oleh Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) tanpa perlu bergantung kepada sumber dari negara luar."

Dalam usaha menjayakan PPVN, kerajaan telah mengorak langkah untuk memperkasa penyelidikan dan pembangunan (R&D) produk vaksin tempatan. Sehingga akhir bulan Mac tahun ini, Kerajaan melalui MOSTI telah memperuntukkan projek-projek berkaitan bidang penyelidikan vaksin sebanyak **RM55 juta** di sepanjang Rancangan Malaysia ke-9 hingga ke 12 mengikut pecahan seperti berikut:

- a. RMKe-9 berjumlah RM3,901,194.00;
- b. RMKe-10 berjumlah RM7,031,770.00;
- c. RMKe-11 berjumlah RM8,831,665.00; dan
- d. RMKe-12 berjumlah RM35,696,000.00.

Selain itu, kerjasama antarabangsa juga sedang giat dijalankan dengan wakil-wakil industri dan universiti dari negara luar yang aktif dalam penyelidikan vaksin seperti Thailand dan China dalam menjayakan aspirasi PPVN.

Selari dengan PPVN dan Dasar Bioteknologi Negara 2.0, diharapkan agar penganjuran *National Biotechnology Symposium* 2022 ini akan dapat membuka lebih banyak ruang kepada para ilmuan, pelajar dan rakan industri untuk berkongsi idea dan tenaga bagi memartabatkan serta menghasilkan lebih banyak vaksin dalam dan luar negara. Diharapkan juga kerjasama dan sokongan semua pihak dapat diteruskan dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai salah sebuah negara pengeluar vaksin utama dunia.

#TAMAT#

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

9 NOVEMBER 2022

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi:
Jabatan Pembangunan Perniagaan dan Pengkomersilan
National Institutes of Biotechnology Malaysia (NIBM)
No Tel: +603-8949 5792
Emel: bdc@nibm.my